

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 31.10.2016**

**Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan meningkatkan daya saing negara kita dan langkah yang diambil untuk mengurangkan impak kemerosotan ekonomi dunia terhadap pasaran dalam negara. Adakah pengutipan GST yang tidak mencapai sasaran pada dua suku tahun pertama menunjukkan pasaran dalam negara kita sudah lemah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini ialah 3.1% berbanding 3.2% pada tahun 2015. Pada tahun 2017, ekonomi dunia dijangka

berkembang lebih pesat dengan pertumbuhan sebanyak 3.4%.

2. Ekonomi Malaysia terus berkembang meskipun berhadapan persekitaran luar yang mencabar. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu seperti pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dalam kalangan negara maju dan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa boleh memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Sungguhpun demikian, risiko ini dijangka memberi kesan yang tidak ketara kepada negara memandangkan kepelbagaian struktur ekonomi serta disokong oleh asas ekonomi yang mapan, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing.

3. Bagi mencergaskan pelaburan swasta dalam persekitaran yang mencabar ini, Kerajaan giat melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan ekonomi sentiasa berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat global. Usaha ini termasuk menyediakan persekitaran yang kondusif dengan infrastruktur yang lengkap bagi menambahbaik persekitaran pelaburan, melaksanakan dasar yang akan meningkatkan perdagangan dan produktiviti serta memperkukuh keupayaan inovasi dan teknologi negara.

4. Kerajaan akan terus memastikan eksport negara terus berkembang untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Antara inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan eksport termasuk menyegerakan pelaksanaan langkah-langkah yang diputuskan dalam Majlis Eksport Negara (NEC). Di samping itu, negara juga akan meneroka pasaran baharu melalui penyertaan yang lebih menyeluruh dalam perjanjian perdagangan bebas, seperti “ASEAN Economic Community” (AEC) dan “Regional Comprehensive Economic Partnership” (RCEP) yang seterusnya mampu melonjakkan prestasi eksport negara.

5. Semasa pembentangan Bajet 2017 pada Jumaat lepas, Kerajaan turut mengumumkan beberapa inisiatif untuk merangsang aktiviti pelaburan swasta seperti pembangunan infrastruktur di lima koridor ekonomi dan penyediaan dana Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan mempertingkatkan eksport melalui penyediaan pembiayaan dan kemudahan kredit insurans kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menyediakan RM130 juta di bawah Tabung Promosi Eksport Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Hasil cukai GST terus kukuh dimana kutipan bulanan pada tahun 2016 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2015. Dalam tempoh April

hingga September tahun ini, kutipan GST adalah berjumlah RM17.9 bilion berbanding RM16.5 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2015. Berdasarkan prestasi kutipan GST terkini dan keadaan ekonomi semasa, Kerajaan menganggarkan kutipan GST bagi tahun ini berjumlah RM38.5 bilion. Bagi meningkatkan lagi kecekapan kutipan hasil, Kerajaan telah menubuhkan *Collection Intelligence Arrangement* melalui kerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melalui pelbagai inisiatif ini, Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2016 dijangka terus kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4% hingga 4.5% dengan sektor swasta kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara di samping Kerajaan terus komited memampankan kedudukan fiskal negara untuk jangka panjang.